

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	25 JANUARY 2017

Ekonomi kita mampu kekal teguh, dinamik tanpa TPP: PM

BH - 25/1/2017

➔ Kerajaan teliti dasar hubungan antarabangsa dengan Amerika Syarikat

Oleh Fahmy Azril Rosli
fahmy.azril@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Kerajaan memantau teliti dasar hubungan antarabangsa dengan Amerika Syarikat, selain mengambil langkah proaktif dalam menyesuaikan negara ini berdasarkan sebarang perubahan termasuk meningkatkan usaha mengukuhkan hubungan dua hala.

Datuk Seri Najib Razak, berkata langkah itu diambil seandainya berlaku sebarang perubahan kuasa di tampuk pemerintahan mana-mana negara.

Menurut catatan terbaru dalam blog www.najibrazak.com, semalam, Perdana Menteri berkata, be-

liau sedar satu daripada perkara yang menjadi buah mulut banyak pihak kebelakangan ini, terutama dalam sektor pelaburan, perniagaan dan perdagangan adalah mengenai penarikan diri Amerika Syarikat daripada Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPP).

"TPP adalah sebuah perjanjian perdagangan yang kita yakini akan memberi manfaat, bukan sahaja kepada ekonomi kita tetapi juga ekonomi semua negara yang terbabit dan juga rakyatnya.

Bincang hala tuju

"Malaysia bersama 10 negara anggota TPP lain akan mengadakan mesyuarat untuk membincangkan hala tuju dan langkah selanjutnya selepas penarikan Amerika Syarikat.

"Walau apa pun kesudahan mesyuarat itu, ingin saya jelaskan di sini bahawa kita tidak perlu khuatir mengenai keadaan ekonomi Malaysia jika TPP tidak menjadi kenyataan. Meskipun tanpa TPP, ekonomi kita mampu kekal teguh, dinamik dan penuh dengan potensi serta peluang bersama rakan dagang sedia ada.

"Setakat ini, Malaysia mempunyai hubungan dua hala yang kukuh bersama negara seperti China dan Jepun, malah kita menjangkakan nilai dagangan tahun ini antara Malaysia dan China akan mencecah AS\$100 bilion (RM443.50 bilion).

"Kita juga adalah ahli kepada Perjanjian Perdagangan Bebas Serantau ASEAN serta mempunyai Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) dua hala bersama negara

seperti India, New Zealand dan Australia.

"Pada masa sama, Kerajaan Malaysia melalui Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) juga mengkaji usaha mewujudkan FTA dua hala bersama beberapa ahli TPP," katanya.

Najib berkata, kerajaan akan meneruskan usaha memuktamadkan Kerjasama Ekonomi Komprehensif Serantau (RCEP) yang membabitkan China dan India dengan pasaran pengguna yang jauh lebih besar berbanding TPP.

"Insya-Allah, saya yakin melalui langkah ini dan juga usaha lain ekonomi kita terutama berkaitan perdagangan dan pelaburan asing akan terus mampan dan berdaya saing. Malaysia kekal terbuka untuk perniagaan," katanya.